

Newspaper	Berita Harian
Date	17 June 2015

KAN SEA KE-28
SINGAPURA • 5 - 16 JUN 2015



PM bangga kejayaan kontinjen Malaysia

BH - 17/6/2015

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tampil mengucapkan tahniah kepada barisan kontinjen negara di atas kejayaan mengatasi sasaran awal 184 pingat pada temasya Sukan SEA Singapura 2015 yang melabuhkan tirainya, malam tadi.

“Tahniah kontinjen Msia! 186 pingat (62 emas) di Sukan SEA 2015 menjangkau sasaran 184 pingat. Terima Kasih kerana membanggakan negara anda,” katanya menerusi petikan dalam laman Twitter miliknya.

